

20/12/2003

Dr Mahathir negarawan ulung: PM

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam tadi, memberi penghormatan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai negarawan ulung yang berjaya memberi nilai tinggi terhadap Malaysia, terutama di persada dunia.

Beliau berkata, jasa bekas Perdana Menteri itu bukan saja dalam pembangunan prasarana fizikal tetapi juga kestabilan politik, kekuatan ekonomi, perpaduan kaum dan menghidupkan semangat gigih rakyat membangunkan negara.

"Saya mewakili rakyat Malaysia dan semua pegawai tadbir dan diplomatik ingin merakamkan ucapan terima kasih atas segala jasa, bakti, tunjuk ajar, bimbingan, cetusan pemikiran, pendapat dan pengorbanan Tun yang tidak ternilai harganya.

"Kami bangga untuk berkhidmat di bawah Tun ketika menjadi Perdana Menteri," katanya ketika berucap pada majlis makan malam tahunan Persatuan Pegawai Pentadbiran dan Diplomatik (PPTD) di Marriot Putrajaya di sini.

Turut hadir, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri serta Presiden PPTD, Datuk Seri Aseh Che Mat.

Makan malam itu juga bagi menyatakan rasa terima kasih PPTD atas sumbangan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Dalam ucapannya, Abdullah turut menyatakan penghargaan kepada Dr Siti Hasmah yang banyak berkorban kepada negara.

Perdana Menteri berkata, kini menjadi tugasnya untuk menguruskan dan meneruskan kejayaan Dr Mahathir walaupun menyedari ia adalah tugas yang berat.

"Ia hanya dapat dilaksanakan dengan sokongan, sumbangan dan pengorbanan semua rakyat Malaysia," katanya yang meminta setiap anggota masyarakat menanam sifat tanggungjawab dan keazaman untuk membawa negara ke peringkat lebih cemerlang.

Abdullah berkata, matlamat kerajaan tetap sama iaitu meneruskan pembangunan untuk generasi akan datang dan semua pihak harus memastikan amanah itu dilaksanakan sepenuhnya.

Beliau juga menyatakan mengenai kepentingan semua kakitangan kerajaan bekerjasama secara erat bagi menyambung kecemerlangan negara.

Dalam ucapannya, Abdullah yang pernah berkhidmat sebagai pegawai PTD pada awal kerjayanya, menyatakan pengiktirafan terhadap sumbangan pegawai perkhidmatan awam dalam memajukan negara.

"Tidak dapat dinafikan kakitangan awam memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan negara. Kita sudah membuktikan kepada diri dan dunia bahawa kita memiliki keupayaan mentadbir dan membangunkan negara sendiri," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan meneruskan dasar mesra perniagaan kerana sektor swasta adalah enjin penting pertumbuhan ekonomi negara sejak dulu dan pada masa depan.

"Sektor swasta akan makmur jika sektor awam berperanan sebagai rakan yang berkesan. Justeru sebagai kakitangan awam, kita bertanggungjawab memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan sama ada pembayar cukai biasa mahupun syarikat besar.

"Kita mestilah ikhlas mendengar, meneliti dan menyelesaikan masalah, permohonan, cadangan serta apa juga tugas yang menjadi tanggungjawab kita," katanya.

Perdana Menteri juga menggesa kakitangan awam dan PTD supaya menyedari tanggungjawab mereka untuk membangunkan negara serta tidak mengejar kuasa

untuk kepentingan diri atau memuaskan keinginan membangunkan dana peribadi.

Untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan berkesan, Abdullah meminta anggota PTD mengambil langkah meningkatkan kemahiran dan menerapkan pemikiran mengutamakan kualiti dalam kerja seharian.

Katanya, rakyat memerlukan pegawai PTD yang mempunyai kekuatan daya fikir, mahir menganalisis situasi, berupaya mengatur strategi serta pemikiran kritis dan kreatif.